

Rais: Majlis Peguam tidak boleh disabitkan Akta Hasutan

UM - 4 OCT 2003
Oleh ALI MAHMOOD

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Majlis Peguam tidak boleh disabitkan dengan Akta Hasutan ekoran gesaan badan itu supaya ditubuhkan satu suruhanjaya khas yang bebas bagi melantik, menukar dan menaikkan pangkat hakim.

Menurut Rais, Majlis Peguam hanya memberikan pandangan mereka sahaja tetapi terpulanglah kepada kerajaan untuk menerima atau menolaknya.

“Badan Peguam seperti rakyat biasa mempunyai hak untuk menyuarakan cadangan atau pandangan untuk disampaikan kepada kerajaan.

“Bagaimanapun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengulas gesaan badan tersebut di mana kerajaan mendapati tidak ada keperluan untuk menubuhkan

suruhan khas kehakiman,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas gesaan Majlis Peguam kepada kerajaan agar ditubuhkan segera sebuah suruhanjaya khas kehakiman bagi mengendalikan pelantikan, pertukaran dan kenaikan pangkat hakim.

Presiden Majlis Peguam, Khutubul Zaman Bukhari dilaporkan berkata, penubuhan suruhanjaya khas itu adalah bagi mengelak campur tangan kerajaan dalam menentukan pelantikan, kenaikan pangkat dan pertukaran hakim.

Menurut Khutubul Zaman, prosedur pelantikan sekarang di bawah Artikel 122B Perlembagaan Persekutuan juga sudah ketinggalan zaman.

Pada perkembangan lain, Rais ketika mengulas isu pengklonan cek-cek kerajaan oleh sindiket-sindiket tertentu sehingga kerajaan Pulau Pinang misalnya kerugian RM3 juta, Rais berkata, semua

pihak terbabit termasuk kerajaan negeri perlu memberi kerjasama kepada polis.

“Semua kerajaan negeri yang terbabit dengan kehilangan wang yang bernilai lebih RM3 juta itu perlu memberikan kerjasama sepenuhnya kepada polis supaya sindiket dan perancang utama ditahan dan bagi mendapatkan semula wang itu,” ujar Rais.

Bagaimanapun, menurut Rais, untuk mendapat semula kesemua jumlah yang telah hilang itu bergantung kepada kejayaan polis menangkap ‘watak utama’ yang melakukannya.

“Jika watak utama itu masih hidup dan berjaya ditahan kemungkinan untuk mendapatkan semula wang itu masih ada tetapi jumlahnya tidak dapat dipastikan.

“Namun jika perancang utama itu sudah meninggal dunia harapan untuk mendapatkan semula kesemua wang yang telah hilang agak tipis,” tambah Rais lagi.